

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | 350 keluarga golongan miskin tegar terima bantuan Ambank |             |                     |
| MediaTitle | Mingguan Sarawak   |             |                     |
| Date       | 08 Jun 2014  | Color       | Black/white         |
| Section    | Tempatan   | Circulation | 37,981              |
| Page No    | 11   | Readership  | 113,943             |
| Language   | Malay  | ArticleSize | 116 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A  | AdValue     | RM 264              |
| Frequency  | Daily (EM)   | PR Value    | RM 791              |



## 350 keluarga golongan miskin tegar terima bantuan Ambank

KOTA KINABALU, Sabtu - Lebih 300 keluarga golongan miskin tegar di Sabah menerima bantuan untuk membeli barang keperluan makanan di bawah Program AmBank MyKasih tahun ini. Pengurus Kumpulan AmBank Tan Sri Azman Hashim berkata daripada jumlah itu, 50 keluarga adalah dari daerah Kota Kinabalu manakala selebihnya dari Sandakan.

"Program MyKasih ini tidak hanya tertumpu kepada masyarakat miskin tegar di kawasan bandar tetapi terbuka kepada semua tempat termasuk luar bandar," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Komuniti AmBank MyKasih di Menggatal dekat sini hari ini. Beliau berkata sebanyak RM52,000 diperuntukkan bagi 50 keluarga yang terpilih dalam program amal itu.

Katanya AmBank memerlukan RM1 juta di bawah program MyKasih ini setiap tahun dan bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) untuk

mengenal pasti dan memilih keluarga yang layak menerima bantuan itu di seluruh negara.

Terdahulu dalam ucapanya, Azman berkata AmBank juga telah melanjutkan bantuan satu tahun lagi kepada 50 keluarga yang telah menerima bantuan bagi program amal itu sebelum ini.

"AmBank juga telah menyediakan sesi celik kewangan di mana keluarga yang menyertai program ini akan menghadiri ceramah yang diadakan bagi membantu mereka di dalam pengurusan kewangan," katanya.

Sementara itu, penduduk setempat Amoi@Lidia Lansin, 60, yang buat pertama kali terpilih dalam program amal ini amat bersyukur kerana dapat membantu meringankan tanggungan keluarganya.

Bagi Eddie Bernard Gansuling, 40, yang terpilih buat kali kedua berkata, program ini banyak membantu beliau terutamanya untuk mengurus dan mengatur perbelanjaan keperluan harian.

-- BERNAMA